

20 JUN 1998

NAJIB UMUM PENDIRIAN TIDAK BERTANDING JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyatakan pendiriannya tidak akan bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno dalam pemilihan pucuk pimpinan parti tahun depan.

"Saya tidak akan bertanding," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas bahawa beliau adalah antara nama yang disebut-sebut akan bertanding jawatan nombor dua pucuk pimpinan parti.

"Saya menyokong Presiden dan Timbalan Presiden," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan bertanding mengekalkan jawatannya sekarang, Najib berkata: "besar kemungkinannya... bukan masanya lagi untuk mengumumkan apa-apa."

Mengenai kenyataan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan memberi sokongan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden Umno jika Anwar dicabar pada pemilihan tahun depan, Najib berkata beliau menyokong kenyataan itu.

Katanya Umno menerima secara positif kenyataan Dr Mahathir itu kerana ia mencerminkan kehendak anggota Umno yang inginkan persefahaman dan perpaduan parti.

"Ahli juga melihat jawatan Presiden dan Timbalan Presiden sebagai lambang dan payung perpaduan Umno," katanya.

Beliau berkata kenyataan Dr Mahathir akan dapat melenyapkan cerita-cerita tidak sihat mengenai hubungan mereka (Dr Mahathir dan Anwar).

-- BERNAMA

HS WAT